Armani Umum Pertahankan Jawatan Exco Wanita Umno
Bernama
1 Sept, 2013

KOTA KINABALU, 1 Sept (Bernama) -- Exco Pergerakan Wanita Umno Datuk Armani Mahiruddin mengumumkan akan mempertahankan jawatannya pada pemilihan parti Oktober depan.

Ketua Wanita Umno Sabah itu berkata keputusan tersebut sejajar dengan hasratnya untuk meneruskan khidmatnya kepada parti dan anggota Umno.

"Saya baru pegang dua penggal sebagai Exco Wanita Umno dan menawarkan diri bagi penggal ketiga," katanya kepada Bernama ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Aidilfitri Naib Ketua Umno bahagian Kota Kinabalu Datuk Fatimah Sahra Mohd Noor di Luyang, dekat sini Ahad.

Sebelum ini, Ketua Puteri Umno Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah Datuk Jainab Ahmad menawarkan diri bertanding jawatan Exco Wanita Umno manakala Ketua Wanita Umno Tenom Datin Rahmah Jan Sulaiman Khan, yang disebut-sebut akan bertanding bagi jawatan itu, belum membuat pengumuman rasmi.

Mengenai penyertaan banyak tokoh Wanita Sabah untuk merebut kerusi Exco Wanita Umno pusat, Armani yakin ia tidak menjejaskan peluang mereka kerana terdapat 20 jawatan exco Wanita yang bakal dipertandingkan.

Beliau juga optimis Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang juga anggota Parlimen Beaufort Datuk Azizah Mohd Dun, yang sebelum ini mengesahkan bertanding jawatan Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno, akan mendapat sokongan daripada anggota Wanita Umno di seluruh negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA
Source: http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974248